

3756/2  
 PRINSIP  
 PERAKAUNAN  
 KERTAS 2  
 NOVEMBER 2021  
 2 JAM 30 MINIT

NO KAD PENGENALAN

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nama Pelajar : .....

Tingkatan : .....



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
 (CAWANGAN KELANTAN)**

**PERCUBAAN SPM  
 2021**

**PRINSIP PERAKAUNAN  
 KERTAS 2  
 MASA : DUA JAM TIGA PULUH MINIT**

Arahan :

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian iaitu **Bahagian A dan Bahagian B**.
2. Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B**.
3. Kekemasan dan ketetapan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.
4. Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.
5. Mulakan tiap-tiap jawapan pada helaian yang baharu.
6. Penggunaan kalkulator yg tidak boleh diprogramkan dibenarkan.
7. Ceraikan lampiran A dan lampiran B daripada kertas soalan ini. Ikat bersama helaian jawapan yang lain dan serahkan kepada pengawas peperiksaan setelah tamat masa menjawab.

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

**BAHAGIAN A**

[60 markah]

*Jawab semua soalan*

- 1 (a) Nyatakan akaun induk bagi setiap akaun kontra berikut:

Catatan Kontra	Akaun Induk
Susut nilai Terkumpul Lengkapan	
Ambilan	

[2 markah]

- (b) Kelab Rekreasi BJSS mempunyai ahli seramai 250 orang. Yuran keahlian ialah RM50 setahun, manakala yuran pendaftaran ialah RM5.00.

**Hitung** jumlah yuran tahunan Kelab Rekreasi BJSS.

[2 markah]

- (c) Syam Enterprise menjual barang niaga berkos RM4 400 dengan keuntungan sebanyak 15% secara kredit. Apakah kesan ke atas Jadual Persamaan Perakaunan di bawah?

Aset		Modal	Liabiliti
Inventori	Akaun Belum Terima	Untung Bersih	Akaun Belum Bayar
-4 400			

[2 markah]

- (d) Nyatakan dua sebab perbezaan baki Buku Tunai dengan baki Penyata Bank. [2 markah]
- (e) Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada NCH Trading pada 31 Disember 2020.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2020

	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	23450	
Hutang Lapuk	150	

**Maklumat tambahan:**

Perniagaan menetapkan kadar Peruntukan hutang Ragu ialah 5% atas Akaun Belum Terima bersih.

**Kira** peruntukan hutang ragu bagi tahun 2020.

[2 markah]

- 2 Warisan Enterprise adalah pengeluar serunding daging yang tersohor di Kampung Laut Tumpat Kelantan. Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran 10 000 unit serunding daging tersebut pada 30 Jun 2021.

	RM	RM
Inventori:	1 Julai 2020	30 Jun 2021
Barang siap	25 600	24 100
Bahan langsung	14 360	12 400
Kerja dalam proses	11 320	10 650
Alat-alat kecil	2 530	2 360
Belian bahan langsung		73 300
Belian alat-alat kecil		990
Gaji penyelia kilang		22 000
Gaji pekerja pejabat		13 500
Mesin kilang (kos)		30 000
Kadar bayaran		4 800
Bahan tak langsung		5 500
Pulangan belian bahan langsung		2 420
Insurans kilang		4 600
Angkutan masuk		850
Royalti		6 610
Jualan		200 000
Susut nilai terkumpul mesin kilang		10 800
Sewa kilang		14 300
Angkutan keluar		1 800
Gaji pekerja kilang		38 000
Bahan bakar kilang		4 850

**Maklumat tambahan:**

- (i) Invois belian bahan langsung bernilai RM1 700 telah tertinggal rekod dalam mana-mana buku.
- (ii) Premium insurans yang dibayar bagi tempoh setahun sehingga 30 September 2021.
- (iii) Sewa kilang yang di bayar adalah untuk 11 bulan.
- (iv) Kadar bayaran dibahagikan antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 3:1.
- (v) Mesin kilang disusutnilaikan 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

**Anda dikehendaki:**

- (a) Menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2021 [12 markah]
- (b) Berdasarkan jawapan anda di **2(a)**, hitung:
- (i) Kos tetap [1 markah]
  - (ii) Kos berubah seunit [2 markah]
  - (iii) Harga jualan seunit [1 markah]
- (c) Berdasarkan jawapan anda di **2(b)**, lukis Graf Titik Pulang Modal pada kertas graf yang disediakan di **Lampiran A** dengan menggunakan skala yang sesuai.
- Anda perlu:
- (i) Labelkan semua garisan pada graf [4 markah]
  - (ii) Tunjukkan titik pulang modal [3 markah]
  - (iii) Lorekkan kawasan untung dan rugi [2 markah]

3 Malik, Darsya dan Nizam adalah pekongsi dalam Perkongsian Madani. Perjanjian perkongsian adalah seperti berikut:

- (i) Untung rugi dibahagi mengikut nisbah modal
- (ii) Faedah atas modal 8% setahun
- (iii) Faedah atas ambilan 5% setahun
- (iv) Faedah atas pinjaman 8% setahun
- (v) Gaji Malik dan Darsya masing-masing RM500 dan RM600 sebulan

Petikan Imbangan Duga perkongsian tersebut pada 31 Julai 2021 adalah seperti berikut:

Perkongsian Madani  
Imbangan Duga Pada 31 Julai 2021

	Debit RM	Kredit RM
Untung bersih		26 070
Modal 1 Ogos 2020:		
Malik		20 000
Darsya		10 000
Nizam		30 000
Kenderaan	56 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		5 600
Akaun Semasa 1 Ogos 2020:		
Malik		1 080
Darsya	1 220	
Nizam		1 320
Tunai	2 520	
Bank	21 360	
Pinjaman Nizam		6 000
Akaun belum terima dan Akaun belum bayar	4 250	3 300
Lengkapan	8 020	
Ambilan :		
Malik	1 200	
Darsya	2 000	
Nizam	1 800	
Gaji Darsya	5 000	
	103 370	103 370

Maklumat berikut belum diambil kira

- (i) Faedah atas pinjaman Nizam.
- (ii) Insurans prabayar RM250.
- (iii) Peruntukan hutang ragu pada kadar 4% atas Akaun belum terima.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata menyelaraskan untung bersih bagi tahun berakhir 31 Julai 2021 [4 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2021 [7 markah]
- (c) Akaun Semasa Pekongsi (beruangan) [7 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2021 [7 markah]

**BAHAGIAN B****[ 40 markah ]***Jawab dua soalan sahaja*

- 4 Syakila Mart beroperasi membekalkan barangan runcit di Bachok sejak beberapa tahun yang lalu. Berikut ialah Imbangan Duga pada 31 Mac 2021:

	<b>Debit RM</b>	<b>Kredit RM</b>
Belian dan Jualan	98 724	146 220
Pulangan	1 280	
Kenderaan (dibeli pada 1 Januari 2021)	50 000	
Inventori pada 1 April 2020	27 650	
Lengkapan (Kos)	4 000	
Susut nilai terkumpulengkapan		760
Akaun belum terima dan Akaun belum bayar	29 240	14 748
Bank	5 730	
Promosi	480	
Utiliti	3 160	
Sewa premis	12 000	
Gaji	18 040	
Angkutan masuk	350	
Modal pada 1 April 2020		87 470
Diskaun	430	
Peruntukan hutang ragu		1 886
	<u>251 084</u>	<u>251 084</u>

**Maklumat tambahan:**

- (i) Inventori pada 31 Mac 2021 dinilai pada harga RM34 910
- (ii) Gaji pekerja bulan Mac belum dibayar.
- (iii) Pemilik menggunakan 20% daripada keluasan premis sebagai stor barang peribadinya.
- (iv) Belanja promosi untuk 6 bulan mulai 1 Februari 2021.
- (v) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (vi) Pemilik menerima tunai RM200 daripada pelanggan yang melunaskan hutang lapuk. Wang itu digunakan untuk membayar utiliti. Perkara ini belum direkod dalam mana-mana buku.
- (vii) Kadar susut nilai aset bukan semasa adalah seperti berikut:
  - Lengkapan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
  - Kenderaan 20% setahun atas kos

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2021 [12 markah]
- (b) (i) Akaun Gaji  
(ii) Akaun Promosi  
(iii) Akaun Hutang lapuk terpulih [8 markah]

- 5 (a) Encik Munir pemilik Perabot Munir tidak menyimpan rekod perakaunan yang lengkap. Pada 1 Februari 2020, beliau memulakan perniagaan dengan tunai di bank RM20 000 dan kenderaan RM30 000.

Baki -baki berikut diperolehi pada 31 Januari 2021

	RM
Kenderaan	30 000
Akaun Belum Terima	15 300
Akaun Belum Bayar	18 200
Bank	16 480
Inventori	20 550
Pinjaman 6%	20 000

**Maklumat tambahan**

- (i) Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun atas kos
- (ii) Pemilik membawa masuk komputer bernilai RM1 500 pada 1 Jun 2020
- (iii) Mewujudkan peruntukan hutang ragu 2% atas Akaun belum terima bersih
- (iv) Pemilik mengambil tunai RM80 sebulan untuk kegunaan peribadi
- (v) Insurans prabayar RM400 pada 31 Jan 2021
- (vi) Pinjaman diambil pada 1 Nov 2020 dan faedah pinjaman belum dibayar

**Anda dikehendaki menyediakan**

- (i) Penyata Mengira Modal Akhir [7 markah]
- (ii) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Januari 2021 [5 markah]

- (b) Perniagaan Rayyan telah menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar. Nilai panjar berjumlah RM200. Pada 1 Mac 2021 baki tunai runcit ialah RM59.

Urus niaga pada sepanjang bulan Mac 2021 adalah seperti berikut :

			RM
Mac	1	Rekupmen oleh ketua juru wang	?
	4	Beli kertas A4	22
	9	Beli perabot pejabat	370
	13	Bayar Pos Laju	36
	17	Beli fail dan buku	28
	20	Bayar belanja memperbaiki pintu pejabat	45
	25	Bayar gaji kerani	500
	28	Beli kopi dan gula pejabat	15

**Anda dikehendaki :**

Menyediakan Buku Tunai Runcit di **Lampiran B** bagi bulan Mac dengan menunjukkan lajur analisis alat tulis, belanja pos dan belanja pejabat. Tunjukkan bayaran balik pada 1 April 2021.

[8 markah]

6 (a) Puan Mastura ialah pemilik perniagaan Seri Mas Collection, yang membekalkan peralatan perkahwinan di Kok Lanas, Kota Bharu. Beliau dibantu oleh tiga orang pekerja yang dibayar gaji bulanan RM1 500 seorang. Bagi membesarkan perniagaannya, beliau bercadang membuat pinjaman bank RM30 000 pada bulan Julai 2021. Pihak bank meminta beliau membuat perancangan berkaitan dengan penerimaan dan pembayaran tunai bagi tempoh tiga bulan bermula bulan Jun.

Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan pada 1 Jun 2021:

	RM
Tunai di tangan	1 200
Tunai di bank	25 000
Modal	42 700
Inventori	16 500

Anggaran penerimaan dan pembayaran untuk 3 bulan adalah seperti berikut:

(i) Anggaran belian:

	RM
Jun	21 350
Julai	45 000
Ogos	39 500

60% daripada jumlah belian adalah secara tunai dan bakinya secara kredit dengan tempoh kredit selama satu bulan

- (ii) Jualan peralatan perkahwinan pada bulan Jun dan Julai dianggarkan RM35 200 dan bulan Ogos dijangka meningkat sebanyak 8% daripada bulan sebelumnya.
- (iii) Pinjaman bank dijangka diperolehi pada bulan Julai dengan kadar faedah 4% setahun. Tempoh bayaran balik selama 4 tahun dan bermula pada bulan Ogos.
- (iv) Kadar bayaran bulan Jun dianggarkan RM350 dan dijangka malar untuk dua bulan berikutnya.
- (v) Pada bulan Ogos, Puan Mastura merancang untuk membeli satu lot kedai bernilai RM100 000 dengan bayaran pendahuluan sebanyak RM25 000 dan bakinya dibayar secara ansuran selama 5 tahun bermula bulan September.

**Anda dikehendaki menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Ogos 2021**

[12 markah]

6 (b) Berikut adalah Penyata Kewangan Lestari Sdn Bhd. bagi tahun berakhir 30 Jun 2021.

Akaun Perdagangan dan Untung rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021	
	RM
Jualan	152 000
Tolak: Kos Jualan	112 000
Untung Kasar	<u>40 000</u>
Tolak: Perbelanjaan	12 550
Untung Bersih	<u><u>27 450</u></u>


Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2021			
	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa (nilai buku)			200 500
Aset Semasa:			
Inventori	225 000		
Akaun Belum Terima	<u>95 000</u>		
		<u>320 000</u>	
Liabiliti Semasa:			
Bank	105 000		
Akaun Belum Bayar	<u>79 000</u>	<u>184 000</u>	
Modal kerja			<u>136 000</u>
			<u>336 500</u>
Dibiayai oleh:			
Modal			321 350
Tambah Untung bersih			<u>27 450</u>
			<u>348 800</u>
Tolak Ambilan			<u>12 300</u>
			<u><u>336 500</u></u>

**Anda dikehendaki** menghitung nisbah berikut:

- |  |            |
|--|------------|
| (i) Peratus untung kasar atas jualan   | [2 markah] |
| (ii) Peratus untung bersih atas jualan | [2 markah] |
| (iii) Pulangan atas modal              | [2 markah] |
| (iv) Nisbah semasa                     | [2 markah] |

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**LAMPIRAN A**



LAMPIRAN B

TARIKH	BUTIR	F	PENERIMAAN (DEBIT) (RM)	PEMBAYARAN (KREDIT) (RM)	ANALISIS BAYARAN		
					ALAT TULIS (RM)	BELANJA POS (RM)	BELANJA PEJABAT (RM)